

KAJIAN IMPAK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KEDAH



DISEDIAKAN OLEH
PM DR ZALIHA HJ HUSSIN
PM HJ KAMAL BAHRIN SAMSUDIN
DR MAHADZIR ISMAIL

JULAI 2008

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah menyumbang masa dan tenaga serta buah fikiran dalam melaksanakan kajian yang menyeluruh dalam tempoh Februari 2007 hingga Julai 2008. Perkara ini sudah tentunya tidak dapat direalisasikan tanpa komitmen kesemua 54 orang penyelidik di samping sokongan oleh beberapa individu berikut.


Terima kasih dan jutaan penghargaan diucapkan kepada YBhg. Dato' Seri Profesor Dr. Ibrahim Abu Shah selaku Penaung Kajian dan Profesor Dr. Rahmat Mohamad sebagai Penasihat yang telah memberi ruang kepada kami untuk bergerak melaksanakan kajian. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada Pusat Perancangan Strategik (PPS) selaku Sekretariat bagi mengurus hal ehwal kajian ini.

Kepada staf-staf Hal Ehwal Pelajar (HEP), Pejabat Canseleri, Pejabat Bendahari, Unit Kewangan, Jabatan Komunikasi Korporat, Pusat Sistem Maklumat Bersepadu (PSMB), Dekan Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (FSSR), Unit Kenderaan, Hotel UiTM dan lain-lain Bahagian/Pusat/Jabatan dalaman UiTM Shah Alam dan UiTM Kedah. Terima kasih juga kepada Pembantu Penyelidik UiTM Kedah yang bertungkus lumus berusaha menepati *deadline* yang ditetapkan dan jurugambar yang telah memberikan hasil fotografi terbaik bagi memurnikan persembahan laporan kajian serta penyelia dan enumerator (Skim Khidmat Pelajar) yang terlibat dalam kerja lapangan.

Terima kasih juga khususnya kepada Pejabat Menteri Besar Negeri Kedah, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Exco Kerajaan Negeri Kedah, Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah, Pegawai Daerah Kuala Muda, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Ketua Jabatan Peringkat Daerah, penduduk Lembah Bujang dan Sungai Layar, peniaga dan pengusaha industri serta kontraktor UiTM Kedah dan tidak lupa juga kepada staf dan pelajar UiTM Kedah.

Akhir kata, semoga Kajian Impak UiTM Negeri ini dapat dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

Sekian



Prof. Madya Dr. Roziah Mohd Janor
Ketua Kajian Induk



Prof. Madya Dr. Zaliha Hj. Hussir
Pengarah Kampus
Ketua Kajian UiTM Kedah

KAJIAN IMPAK UiTM KEDAH 2007

	Muka Surat
Penghargaan	ii
Kandungan	iii
Senarai Jadual	vii
Senarai Rajah	xiv
Abstrak	xviii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	1
1.1	Pernyataan Masalah	2
1.2	Objektif Kajian Impak Ekonomi UiTM Kedah	3
1.3	Rasional dan Justifikasi	3
1.4	Latar belakang UiTM Kedah	4
1.4.1	Pendapatan UiTM Kedah 2007	8
1.4.2	Perbelanjaan UiTM Kedah 2007	8
1.4.3	Demografi Pelajar UiTM Kedah	9
1.4.4	Demografi Staf UiTM Kedah	10
1.5	Latar Belakang Negeri Kedah	11
1.5.1	Maklumat Penduduk Negeri Kedah	14
1.5.2	Statistik Guna Tanah di Kedah	17
1.5.3	Ekonomi Negeri Kedah	20

ABSTRAK

Kewujudan Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah pada tahun 1997 mempunyai maksud dan agenda tersendiri. Pada dasarnya, kewujudan dan perkembangannya telah mempengaruhi pembangunan persekitaran serta mendorong perubahan sosio-ekonomi masyarakat setempat. Kajian ini bermatlamat untuk mengenal pasti impak ekonomi yang telah dihasilkan kesan daripada kewujudan UiTM Kedah di Lembah Bujang pada tahun 2007. Tiga bentuk impak ekonomi dilihat iaitu impak primer, sekunder dan semarak. Turut dikaji ialah impak perbelanjaan terhadap peluang-peluang pekerjaan dalam sektor tertentu.

Bagi membolehkan impak-impak ini dikenal-pasti, enam kumpulan responden digunakan iaitu staf universiti, pelajar, kontraktor, penduduk berhampiran, perniagaan dan industri dan kerajaan negeri. Kaedah persampelan berstrata rawak digunakan untuk memilih responden dalam kategori staf, pelajar dan penduduk. Data mengenai responden seperti pendapatan, jenis-jenis perbelanjaan dan biodata diri diperolehi melalui soal selidik. Untuk mendapatkan impak perbelanjaan, pekali dianggarkan melalui kaedah regresi dengan menggunakan fungsi penggunaan mudah untuk staf, pelajar dan kontraktor. Impak perbelanjaan telah dianggarkan melalui proses penggandaan bernilai RM138 juta kesan daripada perbelanjaan universiti, staf, pelajar dan kontraktor. Kedua-dua, jumlah peluang pekerjaan yang boleh diwujudkan dalam sektor-sektor tertentu ialah sebanyak 423. Dari segi impak semarak, kewujudan UiTM mempengaruhi perkhidmatan pengangkutan awam, pembangunan sekeliling, tempat kediaman,

kemudahan awam, pertumbuhan perniagaan, peluang pekerjaan dan peningkatan dalam pendapatan.